

ASPEK KEARIFAN LOKAL BAHAN ALAMI DALAM TERAPI RUQYAH DI MALAYSIA : SATU ANALISIS SYARIAH DAN BUDAYA
ASPECTS OF LOCAL WISDOM IN NATURAL MATERIALS IN RUQYAH THERAPY IN MALAYSIA: AN ANALYSIS OF SHARIAH AND CULTURE

Juriah Mohd Amin^{a*}, Masthurhah Ismail^b, Fathiah Fathil^c

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Perak, Malaysia. (E-mail: juria876@uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Perak, Malaysia. (E-mail: masth080@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Perak, Malaysia. (E-mail: fathi397@uitm.edu.my)

**Corresponding Author*

Article history

Received date : 15-9-2025
Revised date : 22-9-2025
Accepted date : 10-10-2025
Published date : 30-11-2025

To cite this document:

Mohd Amin, J., Ismail, M., & Fathil, F. (2025). Aspek kearifan lokal bahan alami dalam terapi ruqyah di Malaysia: Satu analisis syariah dan budaya. *Islamic Journal of Cultural Studies (IJCS)*, 1(1), 34-48.

Abstrak: Kajian ini meneliti peranan kearifan lokal masyarakat Melayu dalam mengadaptasi penggunaan bahan alami sebagai medium sokongan dalam terapi ruqyah di Malaysia. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kepustakaan, kajian ini menelusuri karya-karya klasik dan kontemporari yang berkaitan dengan perubatan Islam, amalan ruqyah, serta warisan budaya Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa proses Islamisasi telah memurnikan amalan perubatan tradisional, di mana unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah seperti pemujaan roh dan jampi serapah ditinggalkan, manakala penggunaan bahan alami yang neutral seperti air, garam, limau, daun bidara, dan madu dikekalkan sebagai ikhtiar rawatan. Penggunaan bahan-bahan tersebut tidak dianggap memiliki kuasa mutlak, sebaliknya berfungsi sebagai wasilah yang digabungkan dengan bacaan al-Quran, doa, dan selawat. Dari sudut syariah, amalan ini selari dengan prinsip tauhid dan tidak menjejaskan keimanan, manakala dari sudut budaya, ia mencerminkan kesinambungan kearifan lokal Melayu yang menghargai alam sekitar sebagai sumber penyembuhan. Justeru, kajian ini menyimpulkan bahawa terapi ruqyah di Malaysia merupakan satu bentuk integrasi antara syariah dan budaya, yang mengekalkan identiti masyarakat Melayu tanpa mengabaikan tuntutan agama.

Kata kunci: Kearifan lokal; Bahan alami; Terapi ruqyah; Syariah; Budaya; Malaysia

Abstract: *This study examines the role of local wisdom in the Malay community in adapting the use of natural substances as complementary media in ruqyah therapy in Malaysia. Employing a qualitative approach through library-based research, the study explores both classical and contemporary works related to Islamic medicine, ruqyah practices, and Malay cultural heritage. Findings reveal that the process of Islamization has purified traditional healing practices, whereby elements conflicting with Islamic creed, such as spirit invocation and incantations, were abandoned, while neutral practices such as the use of water, salt, lime, bidara leaves, and honey were retained as therapeutic efforts. These natural substances are not perceived as possessing inherent power but rather function as means (wasā'il) combined with Qur'anic recitations, supplications, and blessings upon the Prophet. From a Shariah perspective, such practices are consistent with the principle of tawhid and do not compromise faith, while from a cultural perspective, they reflect the continuity of Malay local wisdom that values nature as a source of healing. Hence, the study concludes that ruqyah therapy in Malaysia represents an integration of Shariah and culture, preserving the identity of the Malay community without neglecting religious obligations.*

Keywords: *Local wisdom; Natural substances; Ruqyah therapy; Shariah; Culture; Malaysia*

PENGENALAN

Kearifan lokal masyarakat Melayu merujuk kepada himpunan pengetahuan, pengalaman, dan kebijaksanaan tradisional yang terbentuk melalui proses interaksi berterusan antara manusia dan persekitaran. Menurut Mohd Yusri et al. (2017), kearifan ini lahir sebagai strategi adaptif yang bertujuan memastikan kelangsungan hidup, di samping memberikan manfaat kolektif kepada komuniti. Keutuhan kearifan lokal dapat dilihat melalui dimensi adat resam, sistem kepercayaan, amalan pertanian, kesenian, dan perubatan yang saling berkaitan dalam menyokong struktur sosial dan identiti budaya masyarakat.

Dalam perbincangan ini, bidang perubatan tradisional Melayu menjadi salah satu manifestasi kearifan lokal yang paling menonjol, khususnya kerana ia menggabungkan dimensi fizikal, spiritual dan ekologi dalam satu pendekatan holistik. Harun Mat Piah (2006) menegaskan bahawa amalan perubatan tradisional Melayu berasaskan pengetahuan yang diwarisi turun-temurun mengenai penggunaan sumber semula jadi bagi tujuan pencegahan dan rawatan penyakit. Pengalaman dan pemerhatian yang teradun sejak berzaman, digabungkan dengan kepercayaan agama dan budaya, telah membentuk satu sistem penyembuhan yang unik. Pendekatan ini tidak hanya melibatkan ramuan herba dan kaedah fizikal, tetapi turut memanfaatkan elemen spiritual seperti jampi, doa dan bacaan al-Quran, yang mencerminkan sinergi antara warisan budaya dan syariat Islam (Harun Mat Piah, 2019).

Salah satu bentuk rawatan tradisional yang mengilustrasikan sinergi tersebut ialah terapi ruqyah iaitu kaedah rawatan berasaskan bacaan ayat al-Quran dan doa yang diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW. Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1992) menegaskan bahawa ruqyah bukan sahaja berfungsi untuk merawat gangguan makhluk halus, tetapi juga digunakan untuk terapi penyakit fizikal dan mental. Dalam konteks Alam Melayu, NorAzian Ab Rahman dan Supyan Hussin (2018) mendapati bahawa ruqyah telah diadaptasi menjadi sebahagian daripada kearifan tempatan melalui penyesuaian teknik rawatan, pemilihan bahan dan pengurusan tempoh rawatan. Penyesuaian ini membuktikan kemampuan masyarakat Melayu untuk

mengintegrasikan nilai Islam ke dalam amalan tradisional, sekaligus mengekalkan kesinambungan warisan budaya sambil memenuhi tuntutan syariah.

SOROTAN LITERATUR

Latar belakang Kajian

Ruqyah merupakan salah satu kaedah rawatan Islam yang sahih dan telah lama diamalkan dalam masyarakat Melayu. Meskipun demikian, masih terdapat cabaran dalam memahami penggunaannya yang sebenar. Sebahagian masyarakat cenderung mencampuradukkan antara amalan tradisional yang bersifat budaya dengan unsur-unsur khurafat yang tidak berlandaskan syariah (Novi Pitria, Lutfia PuspitaSari, (2025); Awang Mohamad Haffis Mohamad Maulana Magiman, (2019); Nurdeng Deuraseh & Hayati Lateh, 2011). Keadaan ini menimbulkan keraguan sama ada penggunaan bahan alami seperti air, garam, limau, dan herba benar-benar berfungsi sebagai wasilah penyembuhan atau sekadar kepercayaan turun-temurun tanpa asas yang kukuh dalam Islam.

Selain itu, kurangnya kajian yang sistematik mengenai hubungan antara kearifan lokal dengan prinsip syariah dalam terapi ruqyah menyebabkan wujud jurang pengetahuan (Choirun Niswah et al., 2025). Jurang ini berpotensi menimbulkan salah faham dalam kalangan masyarakat terhadap kedudukan ruqyah sebagai rawatan Islam yang sahih. Justeru, adalah penting untuk menilai kembali penggunaan bahan alami dalam terapi ruqyah di Malaysia bagi memastikan amalan tersebut dapat terus diamalkan tanpa menjejaskan kesucian akidah, di samping memelihara nilai warisan budaya yang terkandung dalam kearifan lokal Melayu.

Sejarah Perubatan Tradisional Melayu: Dari Animisme Ke Islamisasi

Perubatan tradisional Melayu telah melalui proses perkembangan yang panjang dan berlapis, bermula daripada pengaruh animisme, kemudian percampuran dengan kepercayaan Hindu-Buddha dan akhirnya mengalami Islamisasi yang lebih tersusun. Pada peringkat awal, sebelum kedatangan Islam, masyarakat Melayu menganut fahaman animisme yang mewarnai pemikiran serta kehidupan mereka (Taha Abd. Kadir, 2005). Mereka mempercayai bahawa alam sekitar turut didiami oleh makhluk halus yang mendiami pelbagai lokasi seperti bukit bukau, gunung ganang, pokok besar, lembah sungai dan sebagainya. Tempat-tempat ini dianggap keramat dan berpenunggu. Gangguan makhluk halus, yang dikenali sebagai semangat, penunggu atau roh, dipercayai menyebabkan penyakit. Bagi melindungi diri, masyarakat Melayu pada ketika itu mendapatkan khidmat bomoh, dukun atau pawang yang menggunakan kaedah rawatan berbentuk jampi, mantera dan serapah.

Menurut Nurdeng Deuraseh (2013), amalan jampi yang berasaskan fahaman animisme-dinamisme telah wujud sejak era kerajaan Srivijaya (650M–1200M). Peralihan zaman membawa pengaruh Hindu-Buddha ke dalam masyarakat Melayu, yang menjadikan sistem perubatan lebih teratur dengan penggunaan herba, jampi dan pelbagai kaedah pencegahan penyakit. Bahasa Sanskrit pula digunakan sebagai bahasa perantaraan dalam upacara jampi, dan bacaan mantera sering memasukkan unsur ketuhanan Hindu, termasuk perkataan *Om* yang bermaksud dewa (Nurdeng Deuraseh, 2013; Mahmud Najmi, 1960).

Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah membawa perubahan beransur-ansur dalam aspek kehidupan masyarakat, termasuk dalam bidang perubatan tradisional. Menurut Haron Din (2002), proses ini melibatkan transformasi istilah, konsep serta amalan perubatan yang sebelumnya dipengaruhi oleh kepercayaan animisme dan unsur sinkretik. Islamisasi pada abad ke-13 telah memperkenalkan konsep tauhid sebagai asas kepada kefahaman mengenai kesihatan dan penyakit. Hal ini membawa perubahan radikal terhadap pandangan masyarakat

Melayu, di mana penyakit tidak lagi dianggap semata-mata berpunca daripada gangguan makhluk ghaib atau ketidakseimbangan alam semesta, sebaliknya dilihat sebagai ujian dan ketentuan Allah SWT yang memerlukan ikhtiar melalui rawatan fizikal serta doa sebagai jalan penyembuhan.

Seiring dengan teori Islamisasi ilmu yang dikemukakan oleh al-Attas (1993), pengetahuan tradisional dalam bidang perubatan disaring dan dimurnikan agar selaras dengan al-Quran dan al-Sunnah. Unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah, seperti pemujaan roh atau penggunaan mantera berunsur syirik, telah ditinggalkan walaupun tidak secara total. Namun begitu, amalan yang bersifat neutral seperti penggunaan herba dikekalkan dengan nawaitu yang betul. Perubahan ini secara beransur-ansur mengalihkan kepercayaan masyarakat Melayu daripada pergantungan kepada makhluk halus kepada keyakinan bahawa kuasa mutlak dalam mengatur kesihatan dan penyakit adalah milik Allah SWT (Mohd Taib Osman, 1989). Sehubungan itu, menurut Faisal Abdul Hamid dan Nurul Wahidah Fauzi (2012), rawatan berasaskan bacaan ayat-ayat al-Quran, selawat, dan ruqyah menjadi medium utama dalam penyembuhan, khususnya bagi penyakit yang dikaitkan dengan gangguan jin dan syaitan.

Walaupun begitu, pada peringkat awal kedatangan Islam, unsur percampuran antara pengaruh Hindu-Buddha dengan Islam masih wujud. Mahmud Najmi (1960) menyatakan bahawa ada jampi yang diakhiri dengan kalimah syahadah *la ilaha illa-Allah Muhammad Rasulullah* tetapi masih digabungkan dengan amalan seperti penggunaan kain kuning, lilin, telur, ayam hitam, dan nasi kunyit. Elemen-elemen ini dipercayai dibawa oleh pedagang India-Muslim dan disesuaikan dengan unsur kemelayuan (Ab. Aziz Mohd Zin et al., 2006). Selain itu, tangkal daripada kain, kayu atau besi yang diukir atau ditulis ayat al-Quran turut digunakan, dipercayai memberi perlindungan atau kuasa tertentu, walaupun sebenarnya ia lebih memberi kesan psikologi kepada pemakai.

Keseluruhannya, perkembangan perubatan tradisional Melayu memperlihatkan peralihan daripada kepercayaan animisme kepada Hindu-Buddha, seterusnya melalui proses Islamisasi yang mengubah asas konsep penyembuhan. Transformasi ini bukan sahaja memperkukuh aspek spiritual berdasarkan ajaran Islam, malah membentuk satu identiti perubatan tradisional yang unik hasil gabungan warisan budaya dan ajaran agama.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini adalah kajian kualitatif di mana penulis telah menggunakan dua kaedah utama iaitu kaedah analisis dokumen dan kaedah kajian lapangan bagi mendapatkan data kajian. Menerusi kaedah analisis dokumen, penulis meneliti dokumen-dokumen yang diperolehi samada buku, artikel, jurnal, majalah dan prosiding berkaitan dengan isu kajian. Manakala untuk kaedah temu bual pula, butirannya adalah seperti berikut:

1. Peserta Kajian 1 (PK1) (2025). Temu bual pada jam 5 petang bertarikh 3 April 2025 petang di Wakaf Bharu, Kelantan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Definisi Terapi Ruqyah

Ruqyah sebagai salah satu bentuk terapi rohani dalam perubatan Islam menjadi bukti berlakunya transformasi paradigma. Jika pada era animisme jampi dianggap bergantung pada kuasa luar selain Tuhan, dalam Islam ia dimurnikan dengan menjadikan bacaan ayat al-Quran

dan doa yang memohon kesembuhan hanya daripada Allah. Transformasi ini menunjukkan peralihan daripada pemikiran magis (*magical thinking*) kepada penyembuhan spiritual (*spiritual healing*) yang berteraskan wahyu.

Perkataan terapi berasal daripada bahasa Latin *therapeia* yang membawa maksud rawatan bagi membantu individu mencapai tahap kesihatan yang lebih baik atau memperkukuhkan tubuh badan, khususnya selepas mengalami penyakit (Oxford Dictionaries, n.d.). Menurut Kamus Dewan (2013), terapi merujuk kepada rawatan bagi penyakit fizikal atau mental yang dilaksanakan melalui proses pemulihan tanpa melibatkan penggunaan ubat atau pembedahan. Dalam konteks perbincangan ini, istilah terapi merujuk kepada penggunaan doa atau bacaan ayat-ayat al-Quran sebagai kaedah rawatan penyakit atau sebagai langkah pencegahan daripada sebarang gangguan kesihatan. Dalam bahasa Arab, istilah “terapi” sepadan dengan perkataan *istisyfa*, yang berasal daripada kata dasar *syafa-yasyfi-syifa* yang bererti “menyembuhkan” (Ahmad Warsono Munawir, 1984).

Ibnu Taimiyyah (1992) menjelaskan ruqyah sebagai permohonan perlindungan dan ianya merupakan daripada jenis doa. Menurut al-Suhaimi (1998) ruqyah merangkumi doa dan tawassul (perantaraan) bagi memohon kesembuhan daripada Allah atau penghapusan kesakitan pada tubuh. Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011) turut mentakrifkan ruqyah sebagai doa berasaskan ayat al-Quran dan hadis yang menepati syarak, digunakan untuk tujuan pengubatan, kesejahteraan, dan kebaikan.

Amalan ruqyah telah wujud dalam tradisi masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam, namun ketika itu ia berbentuk bacaan jampi mentera oleh para dukun yang mengandungi unsur syirik, seperti pemujaan dan permohonan bantuan kepada jin serta syaitan (Ana Noviana, 2010). Selepas kedatangan Islam, ruqyah diteruskan sebagai kaedah rawatan tetapi dipurnikan daripada unsur syirik, menggunakan doa serta ayat-ayat al-Quran. Ayat-ayat suci al-Quran, sebagai mukjizat yang penuh keberkatan, berperanan dalam menyembuhkan penyakit dan memenuhi pelbagai hajat, walaupun pembaca tidak memahami maksudnya, asalkan terdapat keyakinan terhadap Allah SWT dan kesungguhan dalam memohon keberkatan-Nya (Abdullah al-Qari bin Hj. Salleh, 2014). Dalam disiplin perubatan Islam, ruqyah dianggap sebagai salah satu rawatan utama yang bersumberkan wahyu al-Quran dan hadis (Ummi Sarah Mohd Ghazali & Muhammad Azizan Sabjan, 2020).

Bahan-Bahan Alami Dalam Perawatan Ruqyah

Pengubatan Islam tidak hanya terbatas kepada penggunaan ruqyah berasaskan ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW atau bacaan ruqyah syar’iyyah semata-mata, tetapi turut menggabungkan doa, bacaan ruqyah, dan penggunaan bahan rawatan yang sesuai bagi mengubati sesuatu penyakit. Kaedah ini sama sekali tidak menafikan peranan ubat sebagai salah satu bentuk ikhtiar dalam merawat (Haron Din, 2011a). Dalam konteks penggunaan bahan rawatan khususnya yang tiada sandaran nas secara langsung pemilihannya biasanya bergantung kepada tradisi perguruan dan kepakaran perawat. Setiap pesakit akan diberikan bahan berserta panduan penggunaannya. Tiada dos piawaian yang ditetapkan kerana jenis bahan yang digunakan berbeza mengikut amalan perguruan, dan keberkesanan rawatan lebih bergantung kepada bacaan ruqyah berbanding bahan itu sendiri. Pengambilan bahan juga tidak dihadkan, kerana kesemuanya terdiri daripada bahan semula jadi (Nor Azian Ab Rahman & Supyan Hussin, 2018).

Air

Air merupakan medium utama dalam rawatan Islam yang digunakan untuk merawat pelbagai jenis penyakit, sama ada bersifat fizikal, spiritual, atau berkaitan gangguan makhluk halus. Air yang telah dibacakan ayat-ayat al-Quran atau doa tertentu boleh dimanfaatkan sebagai minuman, mandian, sapuan, renjisan, rebusan, atau bentuk penggunaan lain bergantung kepada jenis penyakit serta teknik rawatan yang dipilih. Dari sudut saintifik, air berperanan sebagai cecair yang mengangkut oksigen ke sel-sel tubuh, menyingkirkan toksin, serta bertindak sebagai pelincir kepada sendi dan organ (Nor Liyana Khairuddin, 2022). Kandungan air yang tinggi dalam tubuh manusia menjadikannya bahan yang mudah diserap dan diproses oleh sistem badan. Oleh itu, dalam konteks ruqyah, air yang dibacakan doa, ayat al-Quran, selawat, dan zikir, apabila diminum oleh pesakit yang mengalami gangguan jin, boleh menjadi salah satu bentuk ikhtiar penyembuhan kerana mampu memberi tindak balas terhadap entiti tersebut (Syed Zaidi Syed Omar & Mohamad Hilmi Mat Said, 2024).

Penggunaan air ruqyah sebagai medium penyembuhan penyakit, dengan izin Allah SWT, adalah selaras dengan nas al-Quran dan hadis. Dalam Surah Sad ayat 41-42, Allah SWT meriwayatkan kisah Nabi Ayyub AS yang diuji dengan penyakit kulit, lalu diperintahkan oleh Allah supaya meminum dan mandi menggunakan air yang terpancar setelah baginda menghentakkan kakinya ke bumi. Daripada sumber hadis pula, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa pesakit demam panas boleh disejukkan dengan penggunaan air. Baginda bersabda: “Demam itu merupakan ledakan daripada api neraka, maka sejukkan ia dengan air” (Riwayat al-Tirmizi, no. hadis 1999).

Kajian Masaru Emoto (2001) mengukuhkan fahaman tentang peranan air dalam rawatan penyakit. Berdasarkan penemuan beliau, air mempunyai kemampuan untuk merakam mesej atau maklumat, seumpama pita magnetik atau cakera padat (*compact disk*). Semakin tinggi tahap konsentrasi dan tumpuan pemberi pesan seperti pembaca doa perubatan ketika menggunakan air semakin kuat dan berkesan “rakaman” tersebut pada molekul air. Penemuan ini memberikan penjelasan saintifik bahawa air yang dibacakan doa boleh berperanan sebagai medium penyembuhan mengikut bacaan dan niat yang disampaikan. Molekul air berupaya menyimpan dan memindahkan mesej serta niat doa tersebut kepada molekul air dalam tubuh pesakit, termasuk cecair darah, sehingga dapat memberikan kesan terapeutik.

Dalam konteks kearifan lokal, terdapat beberapa jenis air yang digunakan oleh para perawat untuk dijadikan air ruqyah (dipanggil juga air penawar), antaranya:

Air kolah masjid

Terdapat dalam kalangan perawat yang mengamalkan penggunaan air yang diambil daripada tujuh kolah masjid untuk tujuan ruqyah. Dalam amalan perubatan alternatif ini, air kolah tujuh masjid biasanya digunakan untuk tujuan mandian semata-mata (Ariffin Ayub, TikTok, 2023). Dari sudut syarak, penggunaan air kolah tujuh masjid untuk tujuan ruqyah tidak mempunyai asas yang jelas sama ada dari al-Quran atau hadis. Tiada dalil yang menunjukkan Rasulullah SAW atau para sahabat mengamalkan pengambilan air dari kolah atau perigi tujuh masjid sebagai medium rawatan. Oleh itu, amalan ini tidak boleh dikategorikan sebagai ibadah *ta'abbudi* yang memerlukan dalil khusus, sebaliknya ia lebih bersifat adat atau amalan setempat yang dianggap bermanfaat (masalah mursalah) selagi tidak mengandungi unsur syirik atau bercanggah dengan prinsip syarak. Berdasarkan jawapan dari laman web Jabatan Mufti Negeri Selangor, menggunakan air kolah masjid sebagai ikhtiar penyembuhan adalah harus selagi

beriktikad yang memberikan kesembuhan adalah Allah Taala. Walau bagaimanapun perlu mendapat keizinan pihak masjid untuk menggunakan air kolah tersebut.

Dari perspektif adat, kepercayaan terhadap keberkatan air kolah masjid mungkin berkait dengan pengaruh budaya setempat yang menekankan unsur keberkatan (barakah) melalui hubungan dengan tempat ibadah. Anggapan ini berasaskan kepada kebiasaan bahawa kolah masjid sering digunakan oleh jemaah yang membaca *bismillah* ketika mengambil wuduk, di samping sentiasa terdedah kepada bacaan azan dan lantunan ayat al-Quran. Justeru, ada keyakinan bahawa suasana rohani tersebut memberi nilai tambahan kepada air berkenaan.

Dari sudut konsep barakah, Islam mengakui bahawa keberkatan sesuatu perkara adalah semata-mata kurniaan Allah SWT, bukan pada zat bahan itu sendiri. Keberkatan tempat ibadah diakui dalam nas seperti Masjidil Haram, Masjid Nabawi, dan Masjid al-Aqsa. Namun tiada dalil yang menyatakan keberkatan tersebut boleh dipindahkan secara langsung melalui air kolah. Oleh itu, penggunaan air kolah tujuh masjid boleh diterima sebagai ikhtiar rawatan dalam kerangka adat, namun tidak wajar diyakini sebagai amalan syar'i yang mempunyai fadhilat khusus tanpa dalil yang sah.

Air hujan (malam Jumaat)

Air hujan malam Jumaat merujuk kepada air hujan yang ditadah secara terus ke dalam bekas tanpa melalui tadahan lain atau melalui saluran bumbung, paip dan sebagainya. Ia ditadah di kawasan lapang atau di atas bumbung rumah pada sebelah malam (hari Khamis malam Jumaat) iaitu bermula dari waktu maghrib sehingga subuh keesokan harinya. Menurut Haron Din (2011a) waktu yang terbaik untuk menadah air tersebut adalah selepas tengah malam kerana kualiti airnya adalah lebih bersih jika dibanding dengan waktu sebelumnya.

Menurut Abdullah Yusof (2020) air hujan adalah air kedua terbaik untuk tujuan rawatan selepas air zamzam. Terdapat dua jenis kegunaan air hujan iaitu untuk rawatan kediaman yang terkena gangguan dan untuk medium penyembuhan penyakit tubuh badan manusia. Berdasarkan ijtihad dan tajribah (pengalaman), menunjukkan air hujan memiliki energi sebagai pengusir jin dan syaitan (dengan izin Allah) berdasarkan firman Allah dalam surah al-Anfal ayat 11 yang bermaksud:

“(Ingatlah) ketika kamu diliputi perasaan mengantuk sebagai satu (pemberian) aman dari Allah (untuk menghapuskan kecemasan kamu). Dan (ingatlah ketika) Ia menurunkan kepada kamu hujan dari langit untuk mensucikan kamu dengannya dan menghapuskan dari kamu gangguan syaitan, dan juga untuk menguatkan hati kamu dan menetapkan dengannya tapak perdirian (kamu di medan perjuangan).”

Sejajar dengan pandangan di atas, Haron Din (2011a) berpendapat pada ayat 11 surah al-Anfal Allah SWT telah menggambarkan dengan jelas kegunaan air hujan khususnya dalam menyembuhkan masalah gangguan syaitan dan mengubati jiwa manusia yang negatif kepada positif. Dalam firman Allah yang lain, Allah juga menggambarkan bahawa air hujan mempunyai barakah (keberkatan) kepada manusia, Keberkatan itu melambangkan kemanfaatan air tersebut kepada manusia. Salah satu kemanfaatan tersebut ialah sebagai bahan pengubatan setelah didoakan dan dibacakan ayat-ayat penyembuh kepada air tersebut. Berhubung dengan malam Jumaat, menurut Mahyuddin Ismail (t.t) ia adalah mengambil sempena keberkatan malam tersebut. Bahkan antara amalan orang-orang alim terdahulu ialah membacakan surah Yasin pada air pada setiap malam Jumaat.

Dari sudut sosiobudaya, pengambilan air hujan untuk tujuan perubatan tradisional sering disertai dengan tatacara tertentu, seperti menadah air menggunakan bekas yang bersih dan menyimpannya dalam keadaan tertutup sebelum dibacakan doa. Walaupun tiada nas khusus yang menetapkan penggunaan air hujan untuk rawatan, penerimaannya dalam masyarakat mencerminkan gabungan antara pemahaman agama, simbolik alam sebagai tanda kebesaran Allah dan kepercayaan tradisi yang diwarisi turun-temurun.

Air Yasin

Air Yasin ialah air minuman seperti air zamzam, air mineral atau air biasa yang dibacakan surah Yasin secara berjemaah sebelum dihembuskan ke dalamnya (Haron Din, 2011a). Dalam konteks masyarakat Malaysia, khususnya pada malam Jumaat, amalan membaca surah Yasin secara kolektif di surau atau masjid telah menjadi sebahagian daripada tradisi keagamaan yang diwarisi turun-temurun. Pada waktu ini, para jemaah, terutama golongan ibu bapa, akan membawa bekas atau botol berisi air untuk diletakkan di tengah halaqah bacaan, dengan tujuan memperoleh keberkatan daripada ayat-ayat al-Quran yang dibacakan.

Dari sudut kepercayaan masyarakat, air Yasin diyakini mempunyai nilai terapeutik dan bersifat mujarab bagi merawat masalah jasmani seperti penyakit fizikal, serta menguatkan aspek rohani seperti pencerahan hati dan perlindungan daripada gangguan makhluk halus (Khadher Ahmad & Ibrahim Adham Mohd Rokhibi, 2021; Miftahuddin et al., 2019). Amalan ini, walaupun tidak secara eksplisit dinyatakan dalam nas syarak sebagai satu ibadah khusus, namun selari dengan prinsip umum al-Quran sebagai syifa' (penawar) dan barakah apabila dibacakan dengan adab yang betul. Dari perspektif sosiobudaya, ia memperkukuh ikatan komuniti, membentuk identiti keagamaan bersama, dan memelihara kesinambungan tradisi kerohanian yang telah lama diamalkan oleh masyarakat Melayu Muslim.

Air Zamzam

Air zamzam merupakan salah satu air yang mendapat kedudukan istimewa dalam tradisi Islam dan dihormati secara meluas oleh masyarakat Melayu. Dalam konteks perubatan Islam, air zamzam sering digunakan sebagai medium rawatan pelbagai jenis penyakit, sama ada fizikal mahupun rohani (Khadher Ahmad & Ibrahim Adham Mohd Rokhibi, 2021; Nurul Wahidah Fauzi, Khader Ahmad, & Wan Nor Azila Wan Kamaruzaman, 2019). Pengiktirafan terhadap keberkatan dan khasiat air zamzam bersandarkan kepada hadis Nabi SAW yang menyatakan:

خَيْرُ مَاءٍ عَلَى وَجْهِ الْأَرْضِ مَاءُ زَمْزَمَ فِيهِ طَعَامٌ مِنَ الطَّعْمِ وَشِفَاءٌ مِنَ السُّقَمِ

Maksudnya: "Sebaik-baik air di atas muka bumi adalah air zamzam. Padanya terdapat makanan yang mengenyangkan dan penawar daripada penyakit." (Riwayat al-Tabarani dalam al-Kabir; perawinya adalah tsiqah dan telah disahihkan oleh Ibn Hibban. Lihat: Majma' al-Zawaid wa Manba' al-Fawaid, 3/286; Silsilah al-Ahadis al-Sahihah, 3/44–45).

Dalam amalan ruqyah, air zamzam sering dijadikan medium yang dibacakan ayat-ayat al-Quran atau doa tertentu sebelum digunakan untuk minum atau mandi. Keyakinan terhadap keberkesannya berpunca daripada sandaran nas sahih di atas yang menunjukkan air ini memiliki sifat fizikal dan spiritual yang istimewa. Dari perspektif masyarakat Melayu, air zamzam bukan sahaja dianggap sebagai bahan rawatan, tetapi juga simbol keberkatan yang menghubungkan umat Islam secara rohani dengan Tanah Suci Mekah.

Air pinggan putih

Air pinggan putih merujuk kepada kaedah perubatan tradisi Islam yang menggunakan ayat al-Quran atau doa yang ditulis di atas permukaan pinggan putih, kemudian dibasuh dengan air, dan air tersebut diberikan kepada pesakit untuk diminum. Menurut Khadher Ahmad (2012b), kaedah ini yang dikenali sebagai Kaedah Rawatan Pinggan Putih, dilakukan dengan menulis ayat-ayat al-Quran atau doa pada permukaan seperti pinggan, mangkuk, atau piring, biasanya menggunakan dakwat daripada za'faran. Setelah itu, air dialirkan ke atas permukaan yang bertulis tersebut sehingga larut, lalu diminum oleh pesakit.

Amalan ini digunakan bagi merawat pelbagai penyakit, termasuk gangguan sihir. Khadher Ahmad (2012b) memetik pandangan al-Shaykh 'Abd Allah Ibn Jabarain yang menjelaskan bahawa tidak ada larangan menulis ayat al-Quran atau bacaan ruqyah pada medium seperti kertas, pinggan, atau mangkuk, kemudian membasuhnya dan meminum air tersebut. Tulisan tersebut boleh dibuat dengan air, za'faran, atau dakwat, selagi tidak mengandungi unsur syirik. Pandangan ini berlandaskan sabda Nabi Muhammad SAW:

"Tidak mengapa untuk menjampi selagi tidak mengandungi unsur syirik." (Riwayat Muslim, no. 5732)

Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1992) dalam *Zad al-Ma'ad* turut menyebut bahawa ramai dalam kalangan ulama salaf membenarkan penulisan ayat-ayat al-Quran yang kemudian dilarutkan dengan air untuk diminum sebagai rawatan.

Air sisa basuhan wuduk

Dalam rawatan ruqyah, terdapat amalan menggunakan air sisa basuhan wuduk sebagai medium pemulihan daripada gangguan sihir. Air ini biasanya diminum oleh mangsa sihir, dan dalam sesetengah kes, ia dikhususkan kepada air basuhan wuduk seorang ibu untuk diberikan kepada anaknya yang dipercayai terkena sihir (Temubual Informan 1).

Penggunaan air wuduk sebagai instrumen penyembuhan mempunyai sandaran daripada amalan Rasulullah SAW. Berdasarkan riwayat al-Bukhari (no. 183), As-Sa'ib bin Yazid menceritakan bahawa ibu saudaranya (sebelah ibu) membawa beliau menemui Nabi SAW dan mengadu tentang penyakit As-Sa'ib. Nabi SAW mengusap kepalanya, mendoakan keberkatan, kemudian berwuduk, dan As-Sa'ib meminum air sisa wuduk tersebut.

Selain itu, terdapat hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah (no. 2828) dan al-Nasa'ie (no. 10036) mengenai kes Sahl bin Hunaif yang jatuh sakit akibat terkena 'ain setelah dipuji oleh Amir bin Rabi'ah. Rasulullah SAW memerintahkan Amir untuk berwuduk, lalu air basuhan wuduk itu disiramkan kepada Sahl, bermula dari arah belakangnya. Riwayat lain daripada 'Aishah RA dalam Sunan Abi Dawud (4:327) turut menyebut bahawa orang yang menyebabkan 'ain diperintahkan berwuduk, dan air basuhan tersebut digunakan untuk mandi bagi orang yang terkena 'ain.

Pandangan ulama kontemporari seperti Ibn Jibrin juga menyokong amalan ini. Beliau menjelaskan bahawa seseorang yang menjadi penyebab 'ain tidak boleh menghalang dirinya daripada dimandikan, kerana ia sebahagian daripada usaha rawatan. Beliau turut menegaskan bahawa tiada masalah menggunakan air wuduk untuk direnjiskan kepada manusia, haiwan, tumbuhan, atau objek yang terkena 'ain (Khalid bin Abdurrahman, 1996).

Garam Kasar

Garam kasar merupakan salah satu bahan utama yang digunakan dalam terapi ruqyah oleh kebanyakan pengamal perubatan Islam di Malaysia. Umumnya, ayat-ayat al-Quran dibacakan dan ditiupkan pada garam sebelum ia digunakan sama ada sebagai bahan rawatan atau perlindungan daripada gangguan makhluk halus (Khadher Ahmad & Ibrahim Adham, 2021). Dalam praktiknya, garam yang telah didoakan sering ditaburkan di sekeliling rumah sebagai “pagar” pelindung, berasaskan kepercayaan bahawa sifatnya dapat menyakiti makhluk halus dan menghalau mereka dari kawasan kediaman (Haron Din, 2011a; Dini Nuris Nuraini, 2016). Abdullah al-Qari (2014) turut menyatakan bahawa taburan garam di tepi rumah pada waktu senja dengan bacaan tertentu dipercayai dapat menghancurkan sihir yang ditanam musuh.

Selain aspek perlindungan rohani, garam juga digunakan untuk tujuan rawatan fizikal seperti menguatkan tubuh, mengubati sopak, dan menghilangkan sakit gigi. Amalan ini sebenarnya telah wujud sejak zaman perubatan tradisional seperti perbomohan dan perdukunan, kemudian diserap serta dikekalkan dalam perubatan masyarakat Melayu Islam (Najaa' Mokhtar et al., 2018).

Justifikasi penggunaannya antara lain bersandarkan kepada hadis yang menunjukkan Nabi Muhammad SAW pernah memanfaatkan garam dalam rawatan. Riwayat al-Tabarani daripada Ali bin Abi Talib menceritakan bahawa Nabi SAW disengat kala jengking ketika solat. Setelah selesai, Baginda meminta air dan garam, lalu mengusap bahagian yang disengat sambil membaca surah al-Kafirun, al-Falaq, dan al-Nas (HR al-Tabarani, Mu'jam al-Awsat, no. 5890). Ibn Qayyim (1992) menjelaskan bahawa garam mempunyai sifat penyedut dan pembersih yang berupaya menghancurkan racun. Oleh kerana sengatan kala jengking mengandungi unsur api, ia memerlukan rawatan pendinginan dan pengeluaran racun. Pandangan ini turut disokong oleh Sandeep V. Binorkar (2012) dalam *American Journal of Pharmatech Research*.

Walaupun tiada nas khusus al-Quran atau hadis tentang penggunaan garam bagi menghalau makhluk halus (Haron Din, 2011a), bekas Mufti Arab Saudi, Syeikh Abd al-Aziz bin Baz, membenarkan penggunaan bahan rawatan selagi tidak bertentangan dengan syarak. Syeikh Abdullah bin Abdul Rahman al-Jibreen menegaskan bahawa penggunaannya adalah harus dengan syarat:

1. Memaklumkan kepada makhluk yang diganggu bahawa tindakan ini bukan bertujuan mencederakan mereka secara sengaja.
2. Menjelaskan kepada tuan rumah bahawa penggunaan air atau garam hanyalah ikhtiar berdasarkan pengalaman pengamal, serta menerangkan bahawa makhluk halus lazimnya sensitif terhadap garam.

Dengan izin Allah, penggunaan garam diharapkan dapat menjadi wasilah perlindungan dan rawatan terhadap gangguan makhluk halus.

Limau Purut atau Limau Nipis

Dalam amalan perubatan Islam di Malaysia, khususnya rawatan gangguan jin, limau purut (*Citrus hystrix*) dan limau nipis (*Citrus aurantifolia*) sering digunakan sama ada sebagai campuran dalam air mandian atau air minuman (Syed Zaidi & Mohamad Hilmi, 2024). Menurut Khadher Ahmad (2012a, 2012b), penggunaannya banyak bergantung kepada pengalaman dan pemerhatian para pengamal perubatan tradisional Islam.

Dari sudut botani, limau purut mempunyai kulit berbenjol kasar (purut), berwarna hijau pucat, dan berduri pada batang atau rantingnya (Noresah, 2013), manakala limau nipis bersifat masam dan kaya dengan asid sitrik, vitamin A, dan vitamin C yang berfungsi sebagai agen antibakteria, penghadam, serta pembersih lemak (Wikipedia, 2024).

Dalam konteks perubatan tradisional Melayu, limau dipercayai berupaya menghalau kuasa ghaib atau roh jahat. Aplikasi ini dapat dilihat dalam seni mempertahankan diri seperti silat, di mana air limau digunakan untuk mandian bagi mengusir gangguan jin yang dipercayai sensitif terhadap kandungan asidnya (Nazarudin & Mohamad Omar, 2017; Jacqlyn Patricia & Salmah Jan, 2021). Selain itu, limau purut turut digunakan dalam mandian selepas bersalin dan rawatan sakit kepala (Shamsul, Tajuddin & Mazina, 2003).

Dalam amalan ruqyah syar'iyah, limau kerap digabungkan dengan bacaan ayat-ayat al-Qur'an dalam air mandian untuk tujuan pembersihan jasmani dan rohani. Ia diyakini membantu menghilangkan kotoran zahir seperti darah kotor, rambut, kaca, atau miang buluh akibat sihir, serta kotoran batin seperti kegelisahan, kemarahan, dan kesedihan (Mohd Zul Amirul Izwan et al., 2023). Walau bagaimanapun, keyakinan utama seorang perawat Muslim tetap berasaskan akidah bahawa kesembuhan hanyalah datang daripada Allah SWT, manakala bahan alami seperti limau hanyalah wasilah dalam ikhtiar penyembuhan.

Daun Bidara

Pokok bidara (*Ziziphus mauritiana*) merupakan tumbuhan yang memiliki kedudukan istimewa dalam tradisi Islam dan budaya masyarakat Melayu kerana disebut secara jelas dalam al-Qur'an dan hadis. Dalam Surah al-Waqi'ah ayat 27–28, Allah SWT berfirman: "*Dan golongan kanan, alangkah bahagianya keadaan golongan kanan itu. Mereka berada di antara pohon-pohon bidara yang tidak berduri.*" Hadis Nabi Muhammad SAW pula menegaskan tiga fungsi utama daun bidara, iaitu sebagai bahan untuk memandikan jenazah, mandian wanita selepas haid, serta mandian bagi mualaf yang baru memeluk Islam. Justeru, penggunaan daun bidara dalam ritual dan amalan masyarakat Melayu, khususnya berkaitan pengurusan jenazah dan rawatan tradisional, menunjukkan kesinambungan antara warisan budaya dengan tuntunan syariat (Mohd Zul Amirul Izwan et al., 2023).

Dalam tradisi Arab, buah bidara dikenali sebagai *al-nabq*, manakala pokoknya disebut *al-sidr*. Keistimewaan tumbuhan ini diperakui melalui beberapa ayat al-Qur'an. Antaranya, Surah Saba' ayat 16 merakamkan kisah azab banjir besar yang menimpa kaum Saba', di mana kebun-kebun subur mereka digantikan dengan tumbuhan yang pahit buahnya, jarang berbuah, serta hanya ditumbuhi sedikit pohon bidara. Hal ini menegaskan bahawa bidara bukan sahaja berperanan sebagai tumbuhan bernilai guna, tetapi juga mempunyai makna simbolik dalam teks wahyu, khususnya sebagai peringatan terhadap akibat keingkaran manusia.

Dari sudut botani, *Ziziphus mauritiana* merupakan pohon kecil yang tumbuh subur di kawasan tropika kering. Ia mempunyai batang berduri, daun hijau pekat, serta menghasilkan buah yang boleh dimakan. Kepelbagaian namanya merentasi geografi budaya memperlihatkan keluasannya sebagai tumbuhan etnobotani; di Indonesia ia disebut *widara* atau *dara*, manakala dalam bahasa Arab dikenali sebagai *sidrah*. Justeru, bidara bukan sahaja diiktiraf sebagai tumbuhan yang berperanan dalam ibadah dan rawatan tradisional, tetapi juga berfungsi sebagai medium yang menghubungkan antara keagamaan, kesihatan, dan identiti budaya Melayu-Islam (Mohd Yusri Yusof @ Saleh, 2017; Abdullah Mohd Basmeih, 2015).

Dari perspektif perubatan Islam, tidak terdapat nas yang secara jelas menetapkan penggunaan daun bidara untuk rawatan penyakit (Khadher Ahmad & Ibrahim Adham, 2021). Walau bagaimanapun, catatan Ibn Hajar al-‘Asqalani (1997) dalam *Fath al-Bari* menyebut pengalaman seorang tabi‘in, Wahab bin Munabbih, yang menggunakan daun bidara untuk tujuan perubatan. Beliau mengambil tiga helai daun bidara hijau, menumbuknya di antara dua batu, mencampurkannya dengan air, membaca Ayat al-Kursi, lalu meminumnya sebanyak tiga tegukan sebelum mandi dengan air tersebut. Amalan ini diyakini berkesan untuk menghilangkan penyakit atau gangguan jin, termasuk sihir penghalang hubungan suami isteri (al-Qurtubi, 2006).

Penggunaan daun bidara dalam konteks ruqyah syar‘iyyah pada masa kini masih diamalkan, sama ada sebagai bahan mandian atau minuman, namun akidah Islam menegaskan bahawa ia hanyalah wasilah, manakala kesembuhan mutlak datang daripada Allah SWT.

Lada Hitam

Lada hitam, atau nama saintifiknya *Piper nigrum*, merupakan rempah bernilai tinggi yang telah digunakan sejak zaman purbakala, bukan sahaja sebagai penambah rasa dalam masakan tetapi juga sebagai bahan ubatan tradisional. Ia diiktiraf sebagai rempah yang paling banyak diperdagangkan di dunia dan menjadi antara perasa utama dalam masakan, khususnya di Eropah. Kepedasan lada hitam berpunca daripada kandungan bahan kimia semula jadi yang dikenali sebagai piperine. Dalam amalan kulinari moden, lada hitam sering dipadankan bersama garam sebagai perasa asas.

Dalam konteks perubatan tradisional Melayu, lada hitam dianggap bersifat "panas" berdasarkan rasa pedas yang terhasil daripada bijinya (Nur Syuhadah Yusuf, Nur Azita Che Din, Farah Hanini Abdul Rahman, & Midiyana Mohamad, 2019). Walau bagaimanapun, tiada nas khusus daripada al-Quran atau hadis yang menyebut penggunaannya dalam perubatan. Sama seperti penggunaan limau nipis atau limau purut, penggunaannya dalam rawatan adalah berasaskan pengalaman dan amalan para perawat (Khadher Ahmad, 2012).

Madu

Penggunaan madu sebagai bahan perubatan telah diiktiraf dalam al-Quran dan hadis. Dalam Surah al-Nahl ayat 68-69, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah: ‘Buatlah sarang-sarang di bukit-bukit, di pohon-pohon kayu, dan di tempat-tempat yang dibina oleh manusia. Kemudian makanlah dari tiap-tiap (jenis) buah-buahan dan tempuhlah jalan Tuhanmu yang telah dimudahkan (bagimu). Dari perut lebah itu keluar minuman (madu lebah) yang bermacam-macam warnanya; di dalamnya terdapat ubat yang menyembuhkan bagi manusia. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda kebesaran Tuhan bagi orang-orang yang berfikir.”

Hadis Rasulullah SAW turut mengingatkan umat Islam supaya menjadikan al-Quran dan madu sebagai penyembuh penyakit. Baginda bersabda:

“Ambillah olehmu sekalian akan dua ubat penyembuh iaitu madu dan al-Qur'an.”
(Riwayat Ibn Majah).

Keampuhan madu turut dibuktikan melalui peristiwa pada zaman Rasulullah SAW sebagaimana diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Abi Sa‘id al-Khudri RA. Dalam kisah tersebut, seorang lelaki mengadu bahawa saudaranya mengalami sakit perut, lalu Rasulullah SAW menyuruhnya memberi madu. Walaupun pada awalnya penyakit tersebut

belum sembuh, Baginda tetap mengulangi arahan tersebut, dan akhirnya pesakit sembuh selepas diberikan madu. Rasulullah SAW menegaskan bahawa kebenaran itu pada firman Allah, sedangkan perut saudaranya yang 'berdusta' (iaitu memerlukan rawatan yang berulang kali).

Dalam konteks perubatan tradisional Melayu, madu digunakan secara meluas sebagai rawatan alternatif untuk pelbagai penyakit, selain sebagai sumber pemakanan dan kesihatan. Dari sudut saintifik, madu mengandungi 95–97 peratus bahan kering yang terdiri terutamanya daripada gula, khususnya fruktosa dan glukosa, yang menyumbang kepada sifat terapeutiknya

PENUTUP

Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan sumber alamiah seperti air jampi, garam kasar, limau purut atau limau nipis, lada hitam, daun bidara dan madu merupakan amalan yang meluas dalam kalangan perawat Islam. Sebahagian bahan ini mempunyai sandaran yang jelas daripada nas al-Quran dan hadis, seperti air, garam, dan daun bidara, manakala yang lain pula berasaskan pengalaman serta kearifan tempatan pengamal perubatan tradisional Melayu. Kepelbagaian bahan ini menggambarkan usaha pengamal dalam memadukan sumber-sumber yang diiktiraf syarak dengan amalan warisan setempat demi mencapai keberkesanan rawatan.

Integrasi antara kearifan lokal dan terapi ruqyah membuktikan bahawa perubatan Islam bersifat dinamik dan mampu beradaptasi dengan konteks budaya setempat, selagi mana tidak bercanggah dengan prinsip tauhid dan bebas daripada unsur syirik. Amalan ini memperlihatkan keterbukaan Islam dalam menerima wasilah penyembuhan daripada bahan-bahan alamiah, selagi penggunaannya selaras dengan garis panduan syarak. Oleh itu, pendekatan rawatan yang menggabungkan nas agama dan warisan budaya ini bukan sahaja memperkaya khazanah perubatan Islam, bahkan berpotensi dikembangkan sebagai model rawatan holistik yang bermanfaat kepada masyarakat.

RUJUKAN

- Ab Aziz Mohd Zin. (2006). *Tamadun Islam dan tamadun Melayu*. Universiti Malaya.
- Abdullah al-Qari Hj. Salleh. (2014). *Atasi sakit anda dengan 63 penyembuh sampingan*. Al-Hidayah Publication Sdn Bhd.
- Abdullah, Y. (2020). Dahsyatnya air terapi ruqyah. <http://www.gpmmcare.org/buletin/2020/06/26/dahsyatnya-air-terapi-ruqyah/>
- Ahmad Warsono Munawwir. (1984). *Kamus al-Munawwir Arab–Indonesia*. Pondok Pesantren al-Munawwir.
- Ana Noviana. (2010). *Terapi ruqyah syar'iyah bagi penderita gangguan emosi di Bengkel Rohani Ciputat* (Disertasi sarjana tidak diterbitkan). Fakultas Dakwah dan Komunikasi, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Ariffin Ayub. (2025). [Klip video TikTok]. TikTok. <https://www.tiktok.com/@ustaz.ariffin.ayob/video/7292707613559508226>
- Awang Mohamad Haffis, & Mohamad Maulana Wagiman. (2019). Cabaran-cabaran dalam mensosialisasikan ruqyah syar'iyah di Bintulu. Dalam *International Conference on Social Sciences and Humanities 2019 (ICOSSH2019)* (hlm. 243–253). Parkcity Everly Hotel.

- Binorkar, S. V. (2012). Herbal medicines used in the management of scorpion sting in traditional practices: A review. *American Journal of PharmTech Research*, 2(3), 243–256.
- Choirun Niswah, Wafi, A. C., Oktariani, R., & Atma, M. L. (2025). Peran ulama dalam pengobatan Melayu: Menghubungkan spiritualitas dan medis. *PESHUM: Jurnal Pendidikan, Sosial dan Humaniora*, 4(2), 1794–1806. <https://doi.org/10.56799/peshum.v4i2.7201>
- Coach Kamarul. (n.d.). [Video TikTok]. TikTok. https://www.tiktok.com/@coach_kamarul/video/7327917936243444994
- Deuraseh, N. (2013). *Rukyah dalam Islam ke arah jampi yang halal*. Institut Penyelidikan Produk Halal & Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.
- Deuraseh, N., & Lateh, H. (2011). Rukyah (jampi) dalam perubatan tradisional Melayu sebagai rawatan penyakit, pencegahan, pendinding diri dan harta. Dalam A. F. Kamaruzaman et al. (Ed.), *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dini Nuris Nuraini. (2016). *Diet sihat dengan terapi garam*. Gosyen Publishing.
- Faisal Abdul Hamid, & Nurul Wahidah Fauzi. (2012). Perubatan Melayu tradisional: Kitab Tib Pontianak. *Jurnal al-Tamaddun*, 7(1), 149–162.
- Fauzi, N. W., Ahmad, K., & Wan Kamaruzaman, W. N. A. (2019). Fever in the perspective of hadith and Malay medical manuscript: An analysis on Kitab Bermacam-Macam Khasiat. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 17(1), 87–124.
- Haron Din. (2010). *Rawatan penyakit sihir*. Darussyifa.
- Haron Din. (2011a). *Rawatan penyakit-penyakit jasmani (1)*. Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Darussyifa'.
- Haron Din. (2011b). *Rawatan penyakit jasmani (2)*. Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Darussyifa'.
- Harun Mat Piah. (2006). *Kitab Tib: Ilmu perubatan Melayu*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1992). *Zad al-Ma'ad fi hadyi khair al-'ibad* (Jil. 4; Shuaib & 'Abd al-Qadir al-Arna'u, Ed.). Muassasah al-Risalah.
- Jacqlyn Patricia Jelani, & Salmah Jan Noor Muhammad. (2021). Keistimewaan dan kearifan tempatan masyarakat Melayu menggunakan buah-buahan dalam ilmu perubatan. *Jurnal Melayu*, 20(1).
- Khadher Ahmad. (2012a). *Analisis hadith-hadith mengenai rawatan sihir dalam al-Kutub al-Sittah: Aplikasi di pusat rawatan Islam di Malaysia* (Tesis PhD tidak diterbitkan). Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Khadher Ahmad, & Ibrahim Adham Mohd Rokhibi. (2021). Amalan budaya di Malaysia yang dikaitkan dengan sunnah: Analisis terhadap aspek pemakanan dan pengubatan. *Journal Hadis*, 11(21), 711–717.
- Khamis, S., Abdul Manap, T., & Mohd Yusoff, M. (2003). *Tumbuhan ubatan tradisional Malaysia*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mahmud Najmi. (1960). *Masyarakat nasional* (Cet. 1). M. N. Abdul Hamid.

- Mahyuddin Ismail. (n.d.). Meruqyah air jampi. PIMPIN – Universiti Malaysia Pahang. <https://pimpin.ump.edu.my/index.php/en/gallery/laman-ilmu/422-meruqyah-air-jampi>
- Mat Deraseh, M. Z. A. I., Hanafiah, M. G., Yusoff, M. Y. M., Wan Abdullah, W. N., & Taha, M. Q. (2023). Penggunaan buah-buahan dan daun-daunan sebagai bahan pencuci alamiah dalam perubatan. *Akademika*, 93(3), 225–236.
- Miftahuddin, Zatrachadi, M. F., Suhaimi, S., & Darmwati. (2019). Tarekat Naqsabandiyah sebagai terapi gangguan mental (Studi di Desa Besilam Kabupaten Langkat Sumatera Utara). *Sosial Budaya*, 15(2), 77–82.
- Mohd Taib Osman. (1989). *Malay folk beliefs: An integration of disparate elements*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ibn Ahmad al-Qurtubi. (2006). *Al-Jami' li ahkam al-Qur'an*. Muassasah al-Risalah.
- Nazarudin Zainun, & Mohamad Omar Bidin. (2017). *Pelestarian silat Melayu antara warisan dengan amalan*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Novi Pitria, & Lutfia Puspitasari. (2025). Development of syar'iyah ruqyah in treatment diseases from the time of the prophet to the contemporary era. *International Journal of Islamic and Complementary Medicine*, 6(1), 15–20.
- Nurdeng Deuraseh, & Hayati Lateh. (2011). Rukyah (jampi) dalam perubatan tradisional Melayu sebagai rawatan penyakit, pencegahan dan pendinding diri. Dalam A. F. Kamaruzaman et al. (Ed.), *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noresah Baharom. (2013). *Kamus Dewan* (Edisi keempat). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azian Ab Rahman, & Supyan Hussin. (2018). Kearifan tempatan dalam terapi ruqyah untuk rawatan penyakit kulit. Dalam D. Md. Naim et al. (Ed.), *Perubatan tradisional: Aplikasi semasa*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nor Liyana Khairuddin. (2022, April 10). Apa jadi bila kurang air dalam badan. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/gaya/kesihatan/2022/04/apa-jadi-bila-kurang-air-dalam-badan/>
- Oxford University Press. (n.d.). Therapy. In *Oxford Learner's Dictionaries*. <https://www.oxforddictionaries.com/definition/english/therapy>
- Syed Zaidi Syed Omar, & Mohamad Hilmi Mat Said. (2024). Penggunaan air dan limau nipis sebagai bahan merawat pesakit gangguan jin: Tinjauan pengalaman pengamal perubatan tradisional Melayu. *International Journal of Humanities, Technology and Civilization*, 9(1), 50–58.
- Taha Abd. Kadir. (2005). Perubatan Melayu tradisional. *Dewan Budaya*, 27(3), 7–8.
- Ummi Sarah Mohd Ghazali, & Muhammad Azizan Sabjan. (2020). Perubatan alternatif: Analisis ringkas perkembangan dan kesan kedatangan kaedah rawatan Islam sehingga masa kini di Malaysia. Dalam M. S. Alias et al. (Ed.), *Kajian wahyu dalam aspek pemikiran tafsir, falsafah dan perubatan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Yusof @ Salleh, M. Y., & Ramli, M. A. (2020). Kearifan tempatan dalam adat kematian masyarakat Melayu dari perspektif 'urf. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 21(1), 21–37.